

Definisi

1. Apakah itu sistem tarif galakan (*Feed-in Tariff, FiT*)?

Sistem tarif galakan merupakan sistem yang diwujudkan di bawah Akta Tenaga Boleh Baharu 2011 [Akta 725] yang memberi peluang kepada pemaju tenaga boleh baharu (TBB) untuk menjual tenaga elektrik kepada pemegang lesen pengagihan (PLP) melalui kadar tarif galakan yang premium dalam tempoh masa tertentu.

2. Siapakah pemegang lesen pengagihan (PLP)?

PLP merupakan pemegang suatu lesen untuk mengagihkan pembekalan elektrik kepada pengguna yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Tenaga di bawah seksyen 9 Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]. Contoh: Tenaga Nasional Berhad, Nur Distribution dan sebagainya.

3. Apakah maksud PYL dan PKG dalam konteks permohonan FiT 2.0?

- (a) **Penjana yang Layak (PYL):** Seseorang yang layak di bawah kaedah 3 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 untuk mengemukakan permohonan FiT 2.0 yang baharu atau mana-mana PKG yang memohon untuk meningkatkan kapasiti pemasangan tenaga boleh baharu selaras dengan subkaedah 7(2) dan subkaedah 8(2) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.
- (b) **Pemegang Kelulusan Galakan (PKG):** Mana-mana permohonan yang dikemukakan oleh PKG untuk meningkatkan kapasiti pemasangan tenaga boleh baharu selaras dengan subkaedah 7(1) dan subkaedah 8(1) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 dengan andaian meningkatkan kapasiti sekurang-kurangnya 10% bagi kapasiti terpasang dan kapasiti eksport bersih.

Sumber boleh baharu

4. Apakah jenis sumber boleh baharu yang dibenarkan bagi permohonan FiT 2.0 tahun 2026?

Sumber boleh baharu yang boleh memohon kuota FiT 2.0 bagi tahun 2026 adalah seperti berikut:

- Biogas
- Biojisim
- Hidrokuasa kecil

Perincian bagi setiap sumber boleh baharu adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Tenaga Boleh Baharu (Kriteria bagi Sumber Boleh Baharu) 2011.

5. Adakah sumber biojisim (sisa perbandaran) boleh memohon kuota FiT 2.0 tahun 2026?

Ya. Penggunaan sumber biojisim (sisa perbandaran) bagi permohonan FiT 2.0 tahun 2026 adalah dibenarkan kepada PYL/PKG dengan disertakan Perjanjian Konsesi yang telah dimuktamadkan oleh mana-mana pihak yang berkaitan.

6. Apakah jenis-jenis sumber biojisim (sisa pertanian) dan biojisim (sisa perindustrian)?

(a) Jenis-jenis sumber biojisim (sisa pertanian) merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, jenis-jenis berikut:

- sumber kelapa sawit: tandan buah kosong (EFB), gentian mesokarpa sawit (MF), tempurung isirung sawit (PKS), hampas isirung (PKC), pelepah kelapa sawit (OPF) dan batang kelapa sawit (OPT);
- sumber kayu getah: batang, dahan, ranting kayu;
- sumber koko: kulit dan sekam biji koko;
- sumber kenaf: pucuk kenaf;
- sumber sagu: pelepah, kulit dan hampas sagu;
- sumber pengilang beras: sekam dan jerami padi;
- sumber pisang: batang pisang;
- sumber kelapa: sabut dan tempurung kelapa;
- sumber nanas: sisa kulit dan daun nanas;
- sumber durian: kulit durian;
- sumber jagung: batang, tongkol dan kulit jagung; dan
- sumber tebu: pucuk, hampas, keladak dan molases tebu.

(b) Jenis-jenis sumber biojisim (sisa perindustrian) merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, jenis-jenis berikut:

- sumber industri/komersil: sisa pepejal pembinaan, sisa pepejal perindustrian, sisa pepejal komersial dan sisa pepejal khas; dan
- sumber perkayuan: sisa pembalakan dan sisa industri berasaskan kayu.

Rujukan: Dasar Biojisim Negara 2023-2030

Permohonan FiT 2.0


7. Apakah kaedah permohonan FiT 2.0?

Kaedah permohonan bagi kelulusan galakan di bawah FiT 2.0 dilaksanakan secara *e-bidding* melalui konsep kadar tarif galakan secara 2-Fasa. SEDA Malaysia akan menetapkan kadar tarif galakan asas bagi Fasa-1 untuk 10 tahun pertama. Manakala, kadar tarif galakan asas bagi Fasa-2 untuk baki 11 tahun seterusnya akan dibida oleh PYL/PKG berdasarkan kadar tarif *floor* dan *ceiling* yang akan ditetapkan oleh SEDA Malaysia sehingga tamat kuat kuasa tempoh Perjanjian Pembelian Kuasa Tenaga Boleh Baharu (REPPA).

PYL/PKG boleh memohon kadar tarif galakan bonus sebagai tambahan ke atas kadar tarif galakan asas seperti yang diperuntukkan di Jadual Akta Tenaga Boleh Baharu [Akta 725] berdasarkan kriteria bagi kadar tarif galakan bonus yang ditetapkan di Jadual Pertama, Kaedah-kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.

Soalan Lazim (FAQ) – E-Bidding FiT 2.0 Tahun 2026

Ilustrasi konsep kadar tarif galakan secara 2-Fasa di bawah FiT 2.0 adalah seperti berikut:



8. Apakah kadar tarif galakan yang terpakai bagi permohonan FiT 2.0 tahun 2026?

Kadar tarif galakan yang terpakai bagi permohonan FiT 2.0 tahun 2026 adalah seperti berikut:

	Kadar Tarif Galakan Asas, RM/kWj	+	Kadar Tarif Galakan Bonus yang boleh dimohon	=	Kadar Tarif Galakan (Maksima), RM/kWj
 BIOGAS (50 MW)	Fasa-1 0.3015		G01 Kecekapan elektrik enjin gas $\geq 40\%$ (+RM0.0199/kWj) G02 Enjin gas dibuat/dipasang tempatan (+RM0.0500/kWj) G03 Sumber tapak pelupusan, gas kumbahan atau sisa pertanian (+RM0.0786/kWj)		Fasa-1 0.4500
	Fasa-2 0.2515 – 0.3015 (Bidaan)				Fasa-2 0.4000 – 0.4500
 BIOJISIM (150 MW)	Fasa-1 0.3800		M01 Penggunaan teknologi pengegasan (+RM0.0199/kWj) M02 Sistem penjanaan berasaskan stim dengan kecekapan keseluruhan $\geq 20\%$ (+RM0.0100/kWj) M03 Dandang atau alat pengegas yang dibuat atau dipasang secara tempatan (+RM0.050/kWj)		Fasa-1 0.4599
	Fasa-2 0.2880 – 0.3800 (Bidaan)				Fasa-2 0.3480 – 0.4599
 IIDROKUASA KECIL (100 MW)	Fasa-1 0.3400		Tiada kadar tarif galakan bonus		Fasa-1 0.3400
	Fasa-2 0.2700 – 0.3400 (Bidaan)				Fasa-2 0.2700 – 0.3400

Nota

- Fasa 1: Kadar tarif galakan asas ditetapkan oleh SEDA Malaysia untuk 10 tahun pertama
- Fasa 2: Kadar tarif galakan asas perlu DIBIDA bagi baki 11 tahun seterusnya sehingga tamat REPPA

Nota:

- a) (kadar tarif galakan) merujuk kepada kadar tarif galakan asas + kadar tarif galakan bonus.

Soalan Lazim (FAQ) – E-Bidding FiT 2.0 Tahun 2026

9. Berapakah kuota FiT 2.0 yang ditawarkan kepada PYL/PKG pada tahun 2026?

Penawaran kuota FiT 2.0 tahun 2026 adalah seperti berikut:

Sumber		Penawaran kuota FiT 2026	
		Pembahagian kuota (MW)	Jumlah kuota (MW)
 Biogas	PYL	40	50
	PKG	10	
 Biojisim	PYL	120	150
	PKG	30	
 Hidrokuasa Kecil	PYL	70	100
	PKG	30	
Jumlah		300	300

10. Adakah kuota bagi PYL dan PKG ditawarkan secara berasingan atau digabungkan di bawah satu kategori yang sama?

Kuota FiT 2.0 bagi PYL yang mengemukakan permohonan FiT 2.0 yang baharu dan PKG sedia ada yang meningkatkan kapasiti pemasangan melalui sambungan elektrik ke meter dan kabel yang berasingan, akan ditawarkan secara berasingan daripada PKG sedia ada yang meningkatkan kapasiti pemasangan melalui sambungan elektrik ke meter dan kabel yang sama.

11. Apakah had kapasiti terpasang bagi pemasangan TBB yang dibenarkan di bawah FiT 2.0?

Had kapasiti pemasangan TBB bagi setiap permohonan adalah tidak melebihi 30 MW atau apa-apa kapasiti terpasang yang lebih tinggi yang diluluskan oleh YAB Menteri selaras dengan perenggan 4(a) Akta 725.

12. Saya mempunyai pemasangan tenaga boleh baharu dengan kapasiti terpasang 30MW. Bagaimanakah saya boleh meningkatkan kapasiti di bawah FiT 2.0?

PKG hendaklah mengemukakan permohonan rasmi dan mendapatkan kelulusan daripada YAB Menteri sebelum mengemukakan permohonan FiT 2.0.

13. Adakah permohonan FiT 2.0 terbuka kepada pemasangan tenaga boleh baharu di negeri Sabah dan Sarawak?

Tidak. Permohonan FiT 2.0 hanya terbuka kepada pemasangan TBB di Semenanjung Malaysia dan Labuan sahaja.

14. Apakah jenis pemasangan hidrokuasa kecil yang boleh memohon FiT 2.0?

Permohonan FiT 2.0 bagi hidrokuasa kecil hanya melibatkan pemasangan yang mempunyai *net head* lebih daripada 10 meter (*high head*) sahaja, **kecuali** PKG sedia ada dengan pemasangan yang mempunyai *net head* sehingga dan termasuk 10 meter (*low head*) yang memohon kuota FiT 2.0 untuk meningkatkan kapasiti bagi pemasangan yang mempunyai kabel & meter yang sama, selaras dengan subkaedah 7(1) atau subkaedah 8(1) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.

15. Apakah syarat bagi PKG/PYL yang ingin memohon FiT 2.0 bagi sumber biojisim (sisa pertanian) dan (sisa perindustrian yang melibatkan sumber perkayuan)?

PKG/PYL hendaklah merupakan pemilik bagi bekalan bahan api tersebut. Sekiranya pembida bukan pemilik bekalan api, sekurang-kurangnya 10% pegangan saham dalam pembida hendaklah dimiliki oleh pemilik bahan api, **kecuali** PKG sedia ada yang telah mencapai pengoperasian (FiTCD) yang memohon kuota FiT 2.0 untuk meningkatkan kapasiti bagi pemasangan selaras dengan kaedah 7 atau kaedah 8 Kaedah-kedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan FiT dan Kadar Tarif Galakan) 2011.

16. Adakah syarikat asing dibenarkan menyertai permohonan FiT 2.0?

Syarikat asing yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 2016 dibenarkan untuk menyertai permohonan FiT 2.0 melalui kerjasama dengan syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan hendaklah memenuhi kriteria kelayakan seperti yang diperuntukkan di bawah perenggan 3(c)(i) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 yang mana syarikat asing hendaklah mempunyai pegangan saham tidak lebih daripada 49% daripada kuasa mengundi atau modal syer terbitan (tidak termasuk syer keutamaan).

17. Berapa lamakah tempoh masa bagi menyiapkan sesuatu pemasangan TBB?

Sesuatu pemasangan TBB perlu disiapkan untuk mencapai tarikh permulaan kuat kuasa tarif galakan (FiTCD) mengikut tempoh masa yang ditetapkan seperti berikut:

- Biogas: 3 tahun
- Biojisim: 3 tahun
- Hidrokuasa kecil: 5 tahun

18. Apakah yang saya perlu lakukan jika terdapat kesalahan dalam permohonan FiT yang telah dihantar dalam tempoh permohonan (*bid window*)?

PYL/PKG perlu mengemukakan permohonan sekali lagi dan memaklumkan kepada SEDA Malaysia untuk membatalkan permohonan terdahulu di dalam sistem e-FiT.

19. Apakah maksud pemasangan berbilang (*multiple feed-ins*)?

PYL/PKG hendaklah memiliki semua pemasangan berbilang (*multiple feed-ins*) yang mana kabel-kabel pemasangan berbilang bersambung ke satu stesen suis dan satu kabel saling hubung bersambung dari stesen suis ke tempat sambungan PLP selaras dengan perenggan 12(1)(c) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kehendak Teknikal dan Pengendalian) 2011.

20. Apakah jenis rangkaian yang dibenarkan dalam permohonan FiT 2.0 ?

PYL hanya dibenarkan memohon kuota FiT 2.0 bagi pemasangan yang mempunyai sambungan ke rangkaian pengagihan (*distribution network*) sahaja, **kecuali** PKG sedia ada yang mempunyai sambungan ke rangkaian penghantaran (*transmission network*) yang memohon kuota FiT 2.0 untuk meningkatkan kapasiti bagi pemasangan yang mempunyai kabel & meter yang sama, selaras dengan subkaedah 7(1) atau subkaedah 8(1) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.

Soalan Lazim (FAQ) – E-Bidding FiT 2.0 Tahun 2026

21. Bolehkah satu syarikat memohon lebih dari satu lokasi?

Boleh. Syarikat perlu mengemukakan permohonan secara berasingan bagi setiap lokasi yang dimohon.

22. Adakah PYL/PKG perlu membuat laporan kajian sistem kuasa (PSS) yang baharu sekiranya tempoh sah laku surat kelulusan laporan PSS yang lama telah tamat tempoh?

PYL/PKG boleh memohon pelanjutan tempoh sah laku laporan PSS daripada PLP sekiranya PYL/PKG ingin membuat permohonan dengan kapasiti terpasang dan kapasiti eksport bersih yang sama seperti yang dinyatakan dalam surat kelulusan dan laporan PSS tersebut (tertakluk kepada kelulusan PLP).

23. Bolehkah pemasangan TBB sedia ada mengeksport lebih kuasa ke grid PLP dan menyertai FiT 2.0?

Boleh. PYL perlu mendapatkan surat kelulusan dan laporan PSS daripada PLP bagi menentukan kapasiti eksport bersih sebelum membuat permohonan FiT 2.0.

24. Untuk projek hidrokuasa kecil, adakah data hidrologi asas dan peta lokasi sudah mencukupi bagi peringkat permohonan FiT 2.0 ?

PYL/PKG perlu menyediakan dan mengemukakan laporan *pre-feasibility* yang disediakan oleh pihak konsultan semasa permohonan FiT 2.0. Laporan *pre-feasibility* tersebut perlu diprakerui oleh Jurutera Profesional (Elektrik).

25. Adakah PKG sedia ada perlu menyerah balik kelulusan galakan sekiranya ingin untuk mengemukakan permohonan meningkatkan kapasiti projek ?

PKG sedia ada yang berhasrat untuk memohon peningkatan kapasiti di bawah kuota FiT 2.0 di bawah subkaedah 7(1) dan subkaedah 8(1) Kaedah-kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan FiT dan Kadar Tarif Galakan) 2011, boleh memohon tanpa perlu menyerahkan kelulusan galakan sedia ada semasa permohonan dibuat. Namun, setelah PKG memperoleh kelulusan galakan yang baharu, PKG hendaklah menyerah balik kelulusan galakan sedia ada mengikut kaedah 19A Kaedah-kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan FiT dan Kadar Tarif Galakan) 2011, pada atau sebelum tarikh pengendalian permulaan (IOD).

26. Adakah PKG yang telah dibatalkan kelulusan galakannya boleh memohon FiT 2.0 ?

PYL yang merupakan PKG yang telah dibatalkan kelulusan galakannya tidak boleh memohon kuota FiT 2.0 dalam tempoh 18 bulan dari tarikh pemakluman pembatalan tersebut.

27. Adakah pemegang saham bagi PKG yang telah dibatalkan kelulusan galakannya boleh memohon FiT 2.0 ?

Pemegang saham PYL yang menjadi pemegang saham majoriti (*voting power*) dalam mana-mana PKG yang telah dibatalkan kelulusan galakannya **tidak boleh memohon** kuota FiT 2.0 dalam tempoh 18 bulan dari tarikh pemakluman pembatalan tersebut, kecuali pemegang saham tersebut merupakan pemegang saham minoriti dalam mana-mana PKG sedia ada yang memohon kuota FiT 2.0 untuk meningkatkan kapasiti bagi pemasangan yang mempunyai kabel & meter yang sama, selaras dengan subkaedah 7(1) atau subkaedah 8(1) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.

28. Adakah PYL/PKG perlu menyediakan model kewangan (*financial model*) dalam format tertentu bagi permohonan FiT?

PYL/PKG perlu menyediakan model kewangan terperinci (*financial model*) (dokumen dalam format *Microsoft Excel*) yang menunjukkan pengiraan kadar tarif galakan yang dimohon. Maklumat dan data yang disediakan dalam model kewangan hendaklah diterangkan dengan jelas dan konsisten dengan kadar tarif galakan yang dibida dan maklumat permohonan dalam sistem e-FiT. Templat model kewangan tersebut boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi SEDA Malaysia seperti berikut: <https://www.seda.gov.my/reportal/fit>.

29. Apakah jenis dokumen kewangan yang perlu dikemukakan sebagai penunjuk prestasi dan kedudukan kewangan dalam menyokong pembangunan dan pembiayaan projek FiT ?

PYL/PKG dan pemegang saham PYL/PKG (*immediate* dan *ultimate*) hendaklah mengemukakan salah satu daripada dokumen berikut:

- (a) laporan kewangan teraudit (*audited financial statements*) sekurang-kurangnya dua (2) tahun yang terkini bagi PYL/PKG dan pemegang saham PYL/PKG (*immediate* dan *ultimate*); atau
- (b) laporan CTOS terperinci (*CTOS Basis Credit Report* atau *MyCTOS Score Report*) terkini (dalam masa 1 bulan dari tarikh permohonan) bagi PYL/PKG dan pemegang saham PYL/PKG (*immediate* dan *ultimate*).

30. Apakah kriteria yang akan dinilai daripada dokumen kewangan PYL/PKG?

Kriteria yang akan dinilai daripada dokumen kewangan PYL/PKG adalah seperti berikut:

- (a) kedudukan kewangan semasa syarikat;
- (b) nilai harta bersih (*net worth*);
- (c) nisbah kemampuan bayar (*gearing ratio*);
- (d) nisbah keuntungan (*operating profit margin*); dan
- (e) nisbah semasa (*current ratio*).

31. Adakah PYL/PKG perlu mengemukakan bukti pengalaman terdahulu semasa memohon FiT 2.0?

Ya. PYL/PKG atau pemegang saham PYL/PKG (*immediate* dan *ultimate*) hendaklah mengemukakan senarai semua bukti pengalaman dalam tempoh lima (5) tahun terkini berhubung mana-mana projek/kontrak/aset berkaitan pembangunan, pembinaan, pembiayaan, pengendalian, pengoperasian atau pengurusan projek berkaitan tenaga boleh baharu atau mana-mana projek berkaitan infrastruktur, utiliti atau industri berkaitan tenaga:

- (a) jumlah nilai keseluruhan projek/ kontrak/aset yang tersenarai tersebut hendaklah sekurang-kurangnya 20% daripada kos projek yang dinyatakan dalam permohonan FiT 2.0; dan
- (b) butiran pengalaman kerja dalam melaksanakan mana-mana projek/kontrak/aset yang tersenarai tersebut.

32. Apakah dokumen yang perlu dikemukakan oleh PYL/PKG sebagai bukti keupayaan bagi penyediaan modal untuk membiayai kos projek FiT 2.0?

PYL/PKG atau pemegang saham PYL/PKG (*immediate* dan *ultimate*) hendaklah mengemukakan bukti kewangan bagi penyediaan modal untuk membiayai projek sekurang-kurangnya 5% daripada jumlah anggaran kos pembangunan projek (termasuk kos pembiayaan semasa pembinaan) melalui kombinasi dokumen-dokumen seperti berikut:

- (a) *certified copy of the latest 3 months financial statements of the applicant or its shareholders by the relevant financial institutions; or*
- (b) *certified copy of letter of offers for credit facilities from the relevant financial institutions; or*
- (c) *latest official land search or issue document of title of a land evidencing that the land is free from any restriction in interest and accompanied by a valuation report.*

33. Adakah PYL/PKG perlu mengemukakan bukti pembiayaan projek terdahulu semasa memohon kuota FiT 2.0?

Ya. PYL/PKG atau pemegang saham PYL/PKG (*immediate* dan *ultimate*) hendaklah mengemukakan bukti pembiayaan projek terdahulu yang telah dimuktamadkan dengan minimum RM5 juta (biogas), RM10 juta (biojisim & hidrokuasa kecil) atau 10% daripada jumlah anggaran kos pembangunan projek FiT yang dicadangkan, yang mana lebih tinggi untuk sekurang-kurangnya satu (1) projek infrastruktur, utiliti atau industri berkaitan tenaga dalam tempoh lima (5) tahun terkini.

34. Bagaimanakah PYL/PKG boleh memastikan bahawa permohonan FiT telah LENGKAP dan dihantar?

Permohonan FiT yang lengkap dan telah dikemukakan melalui sistem e-FiT mestilah berstatus *e-BIDDING SUBMITTED*. Ilustrasi status permohonan dalam sistem e-FiT adalah seperti berikut:



35. Adakah PYL/PKG boleh menarik balik permohonan selepas dihantar?

Tidak boleh. Semua permohonan FiT 2.0 yang telah dihantar (*E-BIDDING SUBMITTED*) dianggap muktamad sehingga keputusan permohonan FiT 2.0 dimaklumkan oleh SEDA Malaysia.

36. Bagaimanakah cara untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenai permohonan FiT 2.0?

Maklumat lanjut termasuklah slaid terma dan syarat serta dokumen senarai semak teknikal dan kewangan bagi permohonan FiT 2.0 boleh dimuat turun di laman sesawang rasmi SEDA Malaysia berikut: <https://www.seda.gov.my/reportal/fit>.

Soalan Lazim (FAQ) – E-Bidding FiT 2.0 Tahun 2026

Fi Pemprosesan & Fi Permohonan

37. Apakah kadar fi pemprosesan dan fi permohonan bagi permohonan FiT 2.0?

Kadar fi pemprosesan dan fi permohonan bagi permohonan FiT 2.0 diperuntukkan di bawah Jadual Kedua Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011 seperti berikut:

Jenis Fi	Kadar Fi	Nota
Fi pemprosesan	RM1,000/permohonan	Tidak dikembalikan
Fi permohonan	RM10/kW (berdasarkan kapasiti terpasang)	Dikembalikan sekiranya permohonan tidak berjaya

38. Bilakah fi pemprosesan dan fi permohonan perlu dibayar?

PYL/PKG perlu membuat bayaran penuh fi pemprosesan dan fi permohonan dalam tempoh permohonan (*bid window*) berdasarkan amaun yang dinyatakan dalam invois yang boleh dimuat turun dalam sistem e-FiT. Contoh invois bagi pembayaran fi pemprosesan dan fi permohonan adalah seperti berikut:

 Sustainable Energy Development Authority Malaysia (SEDA Malaysia)
Gedara 201, Area 12, Jalan PPK, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, Malaysia.
T: +603-8870 5800 F: +603-8870 5900 E: info@sema.gov.my

PAYMENT ADVICE



No.	Description	Quantity	Unit Price (RM)	Total (RM)
1.	Application fee for Feed-in Approval of RE Installation using BIOGAS (Landfill / Agri Waste) for an installed capacity of 0.0000 MW	0.0000	10,000	6,000.00
2.	New Online Submission Processing Fee	1	1,000.00	1,000.00
				Sub Total
				7,000.00
				SST Charges (8%)
				560
				Total Payable
				7,560.00

RINGGIT MALAYSIAN SEVEN THOUSAND ONLY

Remark : Application fee for Feed-in Approval of RE Installation using BIOGAS (Landfill / Agri Waste) for an installed capacity of 0.0000 MW

Please make payment to: **SUSTAINABLE ENERGY DEVELOPMENT AUTHORITY MALAYSIA**

Bank: **CIBI Bank Berhad**

Account Bank No.: **6000300067**

Address: **(2M11-A, Kompleks Kementerian Kewangan 5, Persiaran Perdana Presint 2, 62102 Putrajaya, Negeri Sembilan)**

Swift Code: **CIBI8MYKL**

Note: Processing fees paid are not refundable while the application fees paid by the successful applicant are not refundable. E, & O.E.
If a Tax Invoice for this payment is required, please contact Finance Division (03-88705900) of SEDA Malaysia.

39. Apakah tindakan jika PYL/PKG gagal membuat bayaran fi dalam masa ditetapkan?

PYL/PKG yang gagal membuat bayaran penuh fi pemprosesan dan fi permohonan atau melebihi tempoh *bid window* akan menyebabkan permohonan FiT ditolak.

40. Adakah Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) akan dikenakan ke atas fi pemprosesan dan fi permohonan bagi permohonan FiT 2.0?

Tidak. SST tidak akan dikenakan ke atas fi pemprosesan dan fi permohonan bagi permohonan FiT 2.0.

41. Adakah fi pemprosesan atau fi permohonan dikembalikan dalam permohonan FiT 2.0?

Status Permohonan PYL/PKG	Fi Pemprosesan	Fi Permohonan
Berjaya (e-BIDDING : SUCCESSFUL BIDDERS)	Tidak dikembalikan	Tidak dikembalikan
Tidak Berjaya (e-BIDDING : UNSUCCESSFUL BIDDERS)	Tidak dikembalikan	Dikembalikan

Proses Penilaian Permohonan FiT 2.0

42. Bagaimanakah penilaian permohonan FiT 2.0 dilakukan ?

Penilaian permohonan akan dilakukan berdasarkan langkah berikut:

- PYL dan PKG akan disusun mengikut susunan kadar tarif galakan asas bagi Fasa-2 yang dibida dari yang terendah hingga tertinggi;
- kadar tarif galakan yang dibida akan dinilai berdasarkan **kadar tarif galakan asas** sahaja. Mana-mana PYL atau PKG berjaya dalam permohonan FiT 2.0 akan menerima kadar tarif galakan penuh iaitu **kadar tarif galakan asas dan kadar tarif galakan bonus yang dimohon**;
- sekiranya terdapat PYL atau PKG membida dengan kadar tarif galakan asas di Fasa-2 yang sama, penentuan PYL atau PKG berjaya akan dibuat secara *balloting*; dan
- permohonan berjaya adalah berdasarkan **kapasiti eksport bersih** yang mana ia memberikan implikasi kewangan yang sebenar ke atas KWTBB.

43. Apakah kriteria kelayakan kewangan bagi permohonan FiT 2.0 ?

Kriteria utama bagi kelayakan kewangan adalah seperti berikut:

- PYL/PKG mempunyai modal berbayar (*paid-up capital*) minimum RM50,000 semasa permohonan; dan
- pembayaran penuh Fi Permohonan (RM10/kW berdasarkan kapasiti terpasang) dan Fi Pemprosesan (RM1,000) dalam tempoh *e-bidding* yang ditetapkan.

44. Adakah sesi temu duga akan diadakan dalam tempoh penilaian permohonan FiT 2.0?

SEDA Malaysia boleh mengatur sesi temu duga bersama PYL/PKG bagi membentangkan cadangan projek (sekiranya perlu).

45. Bilakah proses undian (*balloting*) dijalankan?

Proses undian (*balloting*) akan dilaksanakan sekiranya terdapat beberapa pemohon bagi sumber boleh baharu yang sama membida kadar tarif galakan asas yang sama untuk menentukan pembida yang berjaya berdasarkan jumlah kuota yang ditawarkan.

Soalan Lazim (FAQ) – E-Bidding FiT 2.0 Tahun 2026

Kaedah pengagihan kuota FiT 2.0

46. Bagaimanakah permohonan FiT 2.0 yang berjaya diagihkan?

Permohonan FiT 2.0 bagi PYL/PKG yang berjaya akan diagihkan berdasarkan kapasiti eksport bersih dan jumlah kuota yang ditawarkan.

47. Mengapakah permohonan FiT 2.0 bagi PYL/PKG yang berjaya dikira berdasarkan kapasiti eksport bersih?

Permohonan FiT 2.0 bagi PYL/PKG yang berjaya adalah berdasarkan kapasiti eksport bersih memandangkan kapasiti ini merupakan jumlah tenaga sebenar yang akan dieksport ke grid dan memberi implikasi kewangan secara langsung terhadap Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB).

48. Bagaimana pengiraan kuota FiT 2.0 bagi PYL/PKG sedia ada yang meningkatkan kapasiti pemasangan melalui sambungan elektrik ke meter dan kabel berasingan di bawah subkaedah 7(2) atau subkaedah 8(2) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011?

Pengiraan kuota FiT 2.0 bagi permohonan tersebut akan dikira berdasarkan kapasiti eksport bersih yang baharu. Kaedah ini sama seperti PYL yang mengemukakan permohonan FiT 2.0 yang baharu.

49. Bagaimana pengiraan kuota FiT 2.0 bagi PKG sedia ada yang meningkatkan kapasiti pemasangan melalui sambungan elektrik ke meter dan kabel yang sama di bawah subkaedah 7(1) atau subkaedah 8(1) Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011?

Pengiraan kuota FiT 2.0 adalah berdasarkan perbezaan antara kapasiti eksport bersih bagi kelulusan galakan sedia ada dengan kapasiti eksport bersih bagi kelulusan galakan baharunya. PKG perlu menyerahkan balik kelulusan galakan sedia adanya apabila permohonan baharu diluluskan bagi mengelakkan terdapat dua (2) kelulusan galakan di bawah FiT.


50. Bagaimana pengagihan semula lebih kuota dilakukan?

Lebih kuota diagihkan semula kepada sumber sama, kemudian kepada sumber lain bergantung kepada kuota dan bajet KWTBB. Kaedah pengagihan lebih kuota bagi setiap sumber seperti berikut:

Langkah 1:	Pengagihan semula lebih kuota bagi sumber boleh baharu yang sama akan dilaksanakan terlebih dahulu memandangkan kadar tarif galakannya yang sama.
Langkah 2:	Pengagihan semula lebih kuota kepada sumber boleh baharu yang berlainan yang diagihkan selepas itu, berdasarkan kadar tarif galakan yang berbeza dan tertakluk kepada kecukupan kewangan KWTBB.

Soalan Lazim (FAQ) – E-Bidding FiT 2.0 Tahun 2026

Ilustrasi kaedah pengagihan semula lebih kuota FiT 2.0 adalah seperti berikut:



Keputusan Permohonan FiT 2.0

51. Adakah keputusan PYL/PKG yang berjaya akan dimaklumkan kepada umum?

Ya, keputusan PYL/PKG berjaya akan diumumkan di laman sesawang SEDA Malaysia.

52. Bagaimana PYL/PKG akan dimaklumkan mengenai keputusan permohonan FiT 2.0?

PYL/PKG akan menerima notis keputusan permohonan melalui surat berserta perakuan kelulusan galakan (sijil) yang akan dikeluarkan oleh SEDA Malaysia.

53. Apakah tanggungjawab utama selepas kelulusan FiT 2.0 diterima?

Selepas kelulusan diterima, PKG hendaklah menyiapkan projek berdasarkan *key milestones* yang ditetapkan dalam sistem e-FiT.

54. Bolehkah PKG memohon perubahan maklumat sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam butiran maklumat selepas perakuan kelulusan galakan dikeluarkan?

Boleh. PKG hendaklah, secepat yang mungkin, meminta secara bertulis dan mengemukakan perakuan kelulusan galakan kepada SEDA Malaysia supaya meminda maklumat yang berkaitan seperti yang diperuntukkan di bawah kaedah 15 Kaedah-Kaedah Tenaga Boleh Baharu (Kelulusan Galakan dan Kadar Tarif Galakan) 2011.

55. Bolehkah PYL/PKG yang berjaya melakukan perubahan pemegang saham selepas kelulusan galakan diterima?

PYL/PKG yang berjaya akan dikenakan syarat khas kelulusan galakan yang mana tidak boleh melakukan sebarang perubahan pegangan saham bermula dari tarikh perakuan kelulusan galakan (sijil) sehingga tamat tempoh dua (2) tahun selepas FiTCD.